



HEBAHAN PEMBUKAAN PERMOHONAN GERAN PENYELIDIKAN KIAS BAGI TAHUN 2022

Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Hal Ehwal Akademik dan Penyelidikan KIAS membuka iklan permohonan Geran Penyelidikan KIAS bagi tahun 2022 bagi geran-geran berikut:

- (i) Geran Kolej Universiti (GKU)
- (ii) Geran Pembiayaan Sepadan (GPS)
- (iii) Geran Penyelidik Muda (GPM)

Permohonan ini dibuka mulai **1 Julai sehingga 31 Julai 2022.**

Borang permohonan dan Garis Panduan Penyelidikan yang terkini boleh dimuat turun dari laman web rasmi KIAS yang boleh diakses melalui pautan <https://www.kias.edu.my/penyelidikan-kias/> mulai 1 Julai 2022.

Setiap permohonan perlu menepati kriteria penyelidikan, berkualiti dan mengikut garis panduan setiap geran penyelidikan yang ditawarkan.

Permohonan perlu melalui proses penilaian di peringkat jabatan/ pusat. Permohonan yang tidak melalui proses penilaian di peringkat jabatan/ pusat tidak akan dipertimbangkan untuk penilaian di peringkat KIAS.

Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Unit Penyelidikan dan Penerbitan KIAS akan mengadakan Taklimat Permohonan Geran Penyelidikan KIAS 2022 sebagaimana ketetapan berikut:

| | |
|--------|--|
| Tarikh | : 20 Jun 2022 bersamaan 20 Zulkaedah 1443H |
| Masa | : 11.00 pagi hingga 1.00 tengahari |
| Tempat | : Dewan Kuliah 8 |

Sekian, terima kasih.

Unit Penyelidikan dan Penerbitan

Bahagian Hal Ehwal Akademik dan Penyelidikan
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)

Kriteria penawaran **Geran Kolej Universiti** adalah sebagaimana berikut:

- a. Geran ini terbuka kepada mana-mana pensyarah KIAS secara berkumpulan;
- b. Had siling peruntukan Geran Kolej Universiti adalah berjumlah RM30,000.00;
- c. Tempoh penyelidikan adalah maksimum dua (2) tahun;
- d. Skop penyelidikan utama adalah berkaitan dengan pengkhususan dan kepakaran ahli akademik KIAS seperti usuluddin, syariah, dakwah, kepimpinan, al-Quran dan Sunnah, kewangan atau perbankan Islam, pendidikan awal kanak-kanak, bahasa, pengurusan dan pentadbiran Islam, logistik, teknologi maklumat (IT), kaunseling Islam, sains sosial, media dan pengurusan halal.
- e. Mod penyelidikan meliputi projek satu disiplin ilmu dan projek merentasi disiplin ilmu.

Kriteria penawaran **Geran Pembiayaan Sepadan** adalah sebagaimana berikut:

- a. Geran ini terbuka kepada mana-mana pensyarah KIAS yang berjaya memperoleh geran dari/bersama pihak luar;
- b. Had siling peruntukan Geran Pembiayaan Sepadan adalah berjumlah RM20,000.00;
- c. Tempoh penyelidikan adalah maksimum dua (2) tahun;
- d. Skop penyelidikan adalah berkaitan dengan pengkhususan dan kepakaran ahli akademik KIAS seperti usuluddin, syariah, dakwah, kepimpinan, al-Quran dan Sunnah, kewangan atau perbankan Islam, pendidikan awal kanak-kanak, bahasa, pengurusan dan pentadbiran Islam, logistik, teknologi maklumat (IT), kaunseling Islam, sains sosial, media, pengurusan halal dan keperluan industri/ institusi yang bekerjasama.
- e. Mod penyelidikan meliputi projek merentasi disiplin ilmu.

Kriteria penawaran **Geran Penyelidik Muda** adalah sebagaimana berikut:

- a. Geran ini terbuka kepada mana-mana pensyarah KIAS secara individu;
- b. Peruntukan Geran Penyelidik Muda adalah berjumlah RM5,000.00;
- c. Tempoh penyelidikan adalah maksimum satu (1) tahun;
- d. Skop penyelidikan adalah berkaitan dengan pengkhususan dan kepakaran ahli akademik KIAS seperti usuluddin, syariah, dakwah, kepimpinan, al-Quran dan Sunnah, kewangan atau perbankan Islam, pendidikan awal kanak-kanak, bahasa, pengurusan dan pentadbiran Islam, logistik, teknologi maklumat (IT), kaunseling Islam, sains sosial, media dan pengurusan halal.
- e. Mod penyelidikan meliputi projek satu disiplin ilmu.